

12 JAN 2002

MAHATHIR-MATAWANG/I

PENETAPAN SEMULA RINGGIT HANYA BILA BERLAKU PENURUNAN BESAR NILAI
MATAWANG

SEPANG, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin mempertimbangkan penetapan semula ringgit hanya jika berlaku penurunan besar nilai matawang ekonomi-ekonomi jiran akibat penurunan seterusnya nilai yen.

"Jika negara-negara jiran menurunkan atau menaikkan nilai matawang mereka sebanyak 20 peratus dan (peratusan itu) kekal pada tahap yang sama, barulah kita akan pertimbangkan untuk mengubah nilai matawang kita," katanya pada sidang media selepas menaiki tren Express Rail Link (ERL) yang dalam perjalanan percubaannya dari KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), di sini, hari ini.

"Jika yen jatuh dan China mengurangkan nilai matawang mereka, kita juga perlu menyemak matawang kita," katanya.

"Ringgit stabil pada RM3.80 (berbanding dolar AS) pada masa ini," katanya semasa memberi penjelasan tentang laporan yang membayangkan bahawa Malaysia akan menurunkan nilai matawangnya.

Yen kini diniagakan pada 132.3 yen berbanding dolar AS. -- BERNAMA

CL MR KY ZK